

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Paskah ke-5

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI


TEMA BULANAN:

KEBERSAMAAN DALAM KEADAAN BAIK DAN TIDAK BAIK

Menjadi Siapa Allah Mahu Anda Jadi!

Umat Kristian sering dinilai bukan dengan nama kita tetapi oleh tindakan kita. Kayu pengukur yang digunakan mungkin lebih panjang daripada yang digunakan untuk menilai orang lain. Mengapa begitu? Ia nampaknya tidak adil. Namun, ini juga merupakan standard yang ditetapkan oleh Kristus. Dia buat apa yang

Dia katakan, dan Dia
mengharapkan
pengikut-Nya
melakukan hal
yang sama.



PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:

"Barangsiapa tinggal
di dalam Aku dan
Aku di dalam dia, ia
berbuah banyak"

(Yohanes 15:5)

Yohanes 13:34-35 merumuskan segalanya apabila Yesus berkata, "Aku memberikan perintah baru kepada kamu, iaitu supaya kamu saling mengasihi; sama seperti Aku telah mengasihi kamu demikian pula kamu harus saling mengasihi. Dengan demikian semua orang akan tahu, bahwa kamu adalah murid-murid-Ku, iaitu jikalau kamu saling mengasihi." Untuk ini, Dia berseru lebih lanjut, "Tidak ada kasih yang lebih besar dari pada kasih seorang yang memberikan nyawanya untuk sahabat-sahabatnya" (Yoh. 15:13).

Ini adalah perintah yang mencabar untuk menjadi seorang Kristian. Bagaimana seseorang memberikan nyawanya untuk sahabat-sahabatnya? Namun, dengan iman, kita tahu bahawa kita mempunyai Allah yang mengasihi kita dan mengetahui batasan kita. Di dalam Roma 3:23-24, Santo Paulus memberitahu kita "Kerana semua orang telah berbuat dosa dan telah kehilangan kemuliaan Allah, dan oleh kasih karunia telah dibenarkan dengan cuma-cuma kerana penebusan dalam Kristus Yesus." Bacaan Injil hari ini mengambil lebih jauh keperluan kita untuk "berpusatkan pada Kristus" dalam semua yang kita lakukan, sama ada sebagai seorang individu atau sebagai sebuah komuniti. Apabila kita terasing dari Kristus, kita tidak dapat berbuat apa-apa (ruj. Yoh. 15:5).

Sekiranya kita tetap berpusat pada Yesus, kita dapat menggunakan karunia-karunia kita untuk menghasilkan buah-buah yang baik, buah-buah yang akan memajukan Kerajaan Allah. Usaha ini memerlukan komitmen, keberanian, ketahanan dan belas kasih, tetapi ini harus menjadi tujuan utama kita: untuk melayani orang lain. Maka dunia akan tahu kita adalah umat Kristian dengan cinta kasih kita. "Bagi Allah segala sesuatu mungkin!" (Mat. 19:26).

Sekiranya kita tidak tinggal dalam Kristus tetapi mementingkan diri sendiri, kita mungkin mendapati diri kita dan para pemimpin paroki menghabiskan tenaga kita dengan pertikaian atau perselisihan yang tidak perlu. Ini akan menjadi tidak produktif dan akan menimbulkan ketidakharmonian dalam komuniti kita. Ketika berucap di Kongres AS, Paus Fransiskus turut berucap kepada kita, 'Marilah kita memperlakukan orang lain dengan semangat yang sama dengan yang kita ingin diperlakukan ... kerana kayu ukur yang kita gunakan untuk orang lain akan menjadi kayu ukur yang akan digunakan oleh masa untuk kita.'

Pada musim Paskah ini, **jadilah siapa yang Allah mahukan bagi diri anda dan biarkan Allah bekerja di dalam dan ke atas diri anda** semasa anda memberi tumpuan untuk menjadi seperti Kristus kepada orang lain.✝

AYAT SUCI
MINGGU INI

Kis. 9, 26-31;

Maz. 21, 26-27. 28.
30-32;

1 Yoh. 3, 18-24;

Yoh. 15, 1-8.